

Kosmo 30/4/09 m/s 57

5,000 atlet berkampung di Langkawi

LEBIH 5,000 atlet dan pegawai daripada 58 agensi seluruh negara mengambil bahagian pada Kejohanan Sukan Badan Berkanun Malaysia Keenam selama seminggu yang telah bermula di Langkawi, semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Penganjur kejohanan, Azman Umar berkata, sebanyak 16 acara dipertandingkan antaranya bola sepak 9 sepasukan, futsal, golf, tenis, ping pong dan badminton.

Beliau yang juga Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), berkata, Lada sebagai tuan rumah membelanjakan RM700,000 bagi menganjurkan kejohanan tersebut.

Lada sendiri menghantar kontijen seramai 45 orang untuk membawa cabaran dalam acara bola sepak, boling padang, futsal dan golf. - Bernama